

## **Bab Satu**

### **Pengenalan:**

#### **Perpuakan UMNO Era**

#### **Mahathir Mohamad**

#### **Mukadimah: Persoalan Kajian**

Malaysia adalah bekas negara jajahan British yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum, iaitu kaum Melayu, Cina dan India dan suku kaum Bumiputera yang lain dengan bahasa, agama dan budaya yang berlainan. Sebelum kemerdekaan dicapai pada tahun 1957, pelbagai pertubuhan Melayu telah menubuhkan United Malays National Organisation (UMNO), ahli perniagaan kaum Cina pula membentuk Malayan Chinese Association (MCA) dan beberapa kumpulan profesional India di Malaysia membentuk Malayan Indian Congress (MIC) sebagai sebuah gerakan politik. Ketiga-tiga pertubuhan ini kemudian bekerjasama untuk menubuhkan Perikatan dan berjaya memperjuangkan kemerdekaan Malaya. Ketiga-tiga parti politik yang berdasarkan kaum ini masih merupakan parti politik yang dominan dalam kerajaan Barisan Nasional (BN) sehingga hari ini.

Sistem pemerintahan Malaysia berteraskan sistem politik berparlimen British ataupun model institusi Parlimen Westminster. Mengikut model demokrasi ini, Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Negara tanpa kuasa eksekutif, manakala kuasa politik negara terbahagi kepada tiga cabang, iaitu Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman, tetapi sejak Malaysia mencapai kemerdekaan, demokrasi di negara ini kelihatan

wujud hanya dari segi perlaksanaan pilihan raya umum. Walaupun rakyat mempunyai kebebasan untuk membentuk parti politik dan mengundi, tetapi sistem Pilihan raya hanya digunakan untuk mengesahkan sebuah kerajaan campuran yang tunggal, iaitu BN yang didominasikan oleh kaum Melayu melalui UMNO.<sup>1</sup> Ini adalah kerana sejak 1980an, kuasa politik negara telah semakin bertumpu kepada badan Eksekutif melalui beberapa siri pindaan Perlembagaan Persekutuan. Ia memindahkan sebahagian besar kuasa ke tangan Perdana Menteri yang juga merangkap Presiden UMNO.

Beberapa nama telahpun digunakan oleh ahli sains politik untuk menggelar bentuk regim Malaysia, iaitu demokrasi berunding (consociational democracy),<sup>2</sup> demokrasi tanpa persetujuan (democracy without consensus)<sup>3</sup>, demokrasi terhad (limited democracy), kuasi-demokrasi (quasi-democracy), separa-demokrasi (semi-democracy) dalam suatu masyarakat yang dipecah-belah ataupun negara hegemonik (hegemonic state) yang didominasikan oleh kaum Bumiputera.<sup>4</sup>

Ketegangan kaum yang berkisar pada isu kebudayaan, bahasa dan ekonomi yang melibatkan parti politik yang mewakili kaum masing-masing sentiasa berlaku dalam tempoh 1950an sehingga 1970an. Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan dari tahun 1970 sehingga 1990 dilaksanakan sebagai usaha untuk meningkatkan taraf ekonomi kaum Bumiputera di samping merapatkan jurang perbezaan ekonomi di antara kaum selepas rusuhan kaum 13 Mei 1969. Dasar ini telah berjaya mengagihkan

<sup>1</sup> William Case, Comparative Malaysian Leadership: Tunku Abdul Rahman and Mahathir Mohamad, *Asian Survey*, XXXI(5):456.

<sup>2</sup> Arend Lijphart, *Democracy in Plural Societies: A Comparative Exploration*, New Haven: Yale University Press, 1977.

<sup>3</sup> Karl von Vorys, *Democracy Without Consensus: Communalism and Political Stability in Malaysia*, Princeton: Princeton University Press, 1975.

semula sumber ekonomi dan menghasilkan usahawan dan cendekiawan generasi muda Melayu. Keadaan ini berjaya mengubah struktur masyarakat yang mengenalpasti taraf ekonomi dengan kaum di samping mengubah wajah UMNO dan melahirkan bibit-bibit perpuakan di dalam parti itu.

Kajian ini adalah mengenai fenomena politik perpuakan dalam parti UMNO, dengan tumpuan pada era kepemimpinan Mahathir Mohamad daripada tahun 1981 sehingga Jun 2000. Dalam tempoh 19 tahun ini, beliau menukar empat orang timbalannya dan parti UMNO mengalami perpuakan yang paling serius dalam sejarah partinya. Pemecatan Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri, Timbalan Presiden dan keahlian UMNO pada 2 September 1998 telahpun memecah-belahan masyarakat Melayu. Pergolakan politik dalam UMNO telahpun menghasilkan impak yang besar terhadap politik dan ekonomi masyarakat Malaysia secara umum.

### Rasional Kajian

Perpuakan memang satu fenomena yang berlaku dalam mana-mana pertubuhan manusia. Masalah perpuakan dalam parti politik adalah lebih rumit berbanding dengan perpuakan di dalam pertubuhan biasa, kerana ia bukan sahaja berhubung dengan perbezaan ideologi dan dasar politik, tetapi ia juga berkaitan dengan pengagihan naungan dan perebutan kuasa yang akan mempengaruhi masyarakat secara umum, khususnya jika ia berlaku dalam parti politik yang paling dominan dalam pemerintahan seperti UMNO.

---

<sup>4</sup> Ho Khai Leong, *Indigenizing The State: The New Economic Policy and The Bumiputera State in Peninsular Malaysia*, U.M.I Dissertation Information Service: The Ohio State University, 1988.

Dari segi perkembangan bibit-bibit perpuakan di dalam UMNO, perselisihan di antara puak yang berlainan sebelum perlaksanaan DEB selalunya berkisar pada perbezaan pendirian terhadap perlaksanaan dasar bahasa, budaya dan ekonomi oleh kerajaan Perikatan di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman. Walau bagaimanapun, setelah DEB berjaya menghasilkan golongan kelas peniaga dan kelas menengah dalam masyarakat Melayu yang kemudian menjadi tunggak keahlian UMNO, tumpuan ahli UMNO pun berubah daripada perjuangan untuk bangsa kepada perjuangan untuk memelihara kerjaya dankekayaan diri melalui perebutan jawatan tinggi yang berkuasa untuk mengagihkan sumber ekonomi negara menerusi kerajaan.

Rasional saya untuk mengkaji perpuakan dalam UMNO ialah kerana saya mendapati perubahan dari segi perpuakan dalam UMNO akan menentukan arah perlaksanaan dasar dan arah pentadbiran kerajaan. Kajian ini akan membolehkan kita untuk memahami politik aliran utama Malaysia dengan lebih lanjut. Selain itu, tujuan saya untuk menumpu kajian kepada perpuakan UMNO dalam era pemerintahan Mahathir adalah kerana beliau merupakan Perdana Menteri dan Presiden UMNO yang paling lama dalam sejarah Malaysia. Dalam tempoh kepemimpinan beliau, masyarakat Malaysia amnya dan masyarakat Melayu khasnya telah mengalami perubahan struktur yang diakibatkan oleh pembangunan ekonomi yang paling pesat. Selain itu, banyak pergolakan politik telah berlaku dalam arena politik kebangsaan dan juga dalam UMNO sendiri. Perpuakan dalam parti itu bukan sahaja telah mengakibatkan UMNO dibubarkan oleh Mahkamah pada tahun 1987 malah menjurus ke arah pemecatan orang nombor dua dalam UMNO pada tahun 1998. Ia juga telah menyumbang kepada pembentukan barisan pembangkang selepas kedua-dua krisis itu berlaku, iaitu Gagasan Rakyat dan Angkatan Perpaduan Ummah selepas krisis pertama dan Barisan

Alternatif (BA) selepas krisis kedua. Walau bagaimanapun, Mahathir berjaya mengatasi kesemua cabaran tersebut dan mengawal UMNO serta pentadbiran negara dengan kuasa dan cengkaman yang lebih kuat.

### **Persoalan kajian**

Persoalan kajian saya tertumpu kepada:

- i) Benarkah perpuakan menjadi ciri utama UMNO sejak penubuhannya hingga sekarang, lebih-lebih lagi dalam era kepemimpinan Mahathir Mohamad?
- ii) Bagaimanakah Mahathir dapat mengekalkan kuasa beliau di dalam parti?
- iii) Apakah implikasi perpuakan UMNO ke atas politik dalaman UMNO dan politik negara?

### **Konsep Dan Teori Mengenai Perpuakan**

#### **Definisi Perpuakan**

Perpuakan dalam Bahasa Inggeris adalah ‘faction’. Perkataan ‘faction’ berasal daripada perkataan Latin, *facere*, yang bermaksud ‘berbuat, melakukan’, dan *factio* dalam Bahasa Latin bermaksud suatu kumpulan politik yang melakukan perbuatan yang bahaya dan memudaratkan. Ini bermaksud makna asal perpuakan mengikut Bahasa Latin adalah ‘keterlaluan dan kelakuan yang merbahaya’.<sup>5</sup>

---

<sup>5</sup> Giovanni Sartori, *Parties and Party Systems: A Framework for Analysis*, Volume 1, New York: Cambridge University Press, 1976, m/s 4.

Mengikut *Dictionary of American Politics*, puak (faction) bermaksud ‘suatu cabangan dalam suatu parti politik ataupun klik dalam parti politik tersebut; biasanya adalah kumpulan ahli politik yang mempunyai perkaitan yang longgar yang mempunyai kepemimpinan ataupun tanpa kepemimpinan yang jelas. Ia bertujuan mencari peluang untuk menguatkan kedudukan mereka melalui penerusan polisi yang oportunistis ataupun menggalakkan perselisihan dalam suatu parti politik ataupun dalam sesebuah negara secara keseluruhan.’<sup>6</sup>

Perkataan ‘parti’ berasal daripada kata kerja *partire* dalam Bahasa Latin, yang bermaksud membahagikan. Istilah ‘parti’ kemudian menjadi *partager* dalam Bahasa Perancis, yang bermaksud ‘berkongsi’, dan juga Bahasa Inggeris ‘partaking’ yang bermaksud mengambil bahagian ataupun menyertai.

Jadi, apabila ‘part’ menjadi ‘party’, ia mewujudkan suatu istilah yang mengandungi dua semantik ataupun makna yang berlawanan: iaitu *partire*, yang bermaksud membahagikan dan juga mengambil bahagian ataupun berkongsi.<sup>7</sup>

Ini menunjukkan dari segi penjelasan etimologi dan semantik, puak (faction) dan parti (party) tidak membawa maksud yang sama. Jadi, apabila perkataan ‘parti’ menggantikan istilah yang berunsur menghina, ‘puak’, ia memberi makna bahawa parti tidak semestinya bermaksud perkara yang buruk dan ia tidak semestinya merosakkan kebajikan umum. Voltaire mendakwa bahawa ‘Istilah *parti* (party)

<sup>6</sup> Edward Conrad Smith and Arnold Johan Zurcher (penytg), *Dictionary of American Politics*, New York: Barnes & Noble, 1957, m/s 146. Penerangan dalam Bahasa Inggeris berbunyi: Factions – ‘one wing of a political party or a personal clique within such a party; generally any loosely knit group of politicians, with or without defined leadership, who seek to aggrandize themselves by pursuing opportunistic policies or by promoting dissension within the ranks of an organised political party or within the state at large.’

bukannya jahat; tetapi istilah *puak* (faction) memang sentiasa bermaksud begitu.<sup>8</sup> Pandangan Voltaire kemudian mencetuskan perdebatan selama satu abad yang dimulakan oleh Bolingbroke pada tahun 1732.<sup>9</sup>

Mengikut Bolingbroke: "Pemerintahan oleh parti ... tentu sentiasa berakhir dengan pemerintahan oleh suatu puak .... Parti merupakan suatu kecelakaan politik, dan puak adalah paling jahat di kalangan semua parti tersebut."<sup>10</sup> Bolingbroke sentiasa menggunakan perkataan parti dan puak secara bertukar-tukar, seolah-olah kedua-duanya sama. Ini adalah konsisten dengan pendapat beliau bahawa parti merosot kepada puak merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan; jadi apabila kedua-dua perkara ini bercantum, maka kedua-dua istilah pun mestilah disatukan.<sup>11</sup> Penjelasan ini menunjukkan sikap Bolingbroke yang anti-parti (antiparty). Bagi Bolingbroke, memandangkan parti bermula daripada kesukaan dan minat, dan bukannya daripada alasan dan kesaksamaan, ia akan membahayakan pemerintahan yang berteraskan perlembagaan (constitutional rule), dan pemerintahan perlembagaan adalah apa yang diinginkan oleh Bolingbroke.

Definisi yang diberi oleh Edmund Burke mengenai parti merupakan penjelasan yang selalu dirujukkan ramai. Beliau berpendapat, "Parti adalah suatu pertubuhan di mana orang bersatupadu, dan berusaha untuk mempromosikan sesetengah prinsip khas yang

---

<sup>7</sup> Giovanni Sartori, op.cit., m/s4.

<sup>8</sup> Artikel Voltaire adalah atas "Faction" (1778 Geneva ed. of the Encyclopedie, vol. XIII m/s 765); Baca Giovanni Sartori, op.cit., m/s3.

<sup>9</sup> Giovanni Sartori, op.cit., m/s 3.

<sup>10</sup> Ayat asalnya berbunyi: "Governing by party ... must always end in the government of a faction ... Party is a political evil, and faction is the worst of all parties." Baca *The Idea of a Patriot King* (1738), dalam *The Works of Lord Bolingbroke*, Carey dan Hart, dalam 4 volum, Philadelphia, 1841, vol.II, m/s 401; Giovanni Sartori, op.cit., m/s 6.

<sup>11</sup> Dalam ayatnya, "The two parties were in truth become factions in the strict sense of the word." (*Of the State of Parties at the Accession of King George the First*, in *The Works of Lord Bolingbroke*, vol. II, m/s 433).

dipersetujui oleh kesemua mereka demi kepentingan negara.” Dengan itu, parti pun merupakan ‘cara yang munasabah’ untuk membenarkan orang sebegini ‘untuk melaksanakan rancangan bersama mereka dengan menggunakan seluruh kuasa dan authoriti negara itu.’<sup>12</sup>

Bagi Burke pula, parti dan puak tidak boleh bercampur, mereka adalah berbeza dari segi definisi. Jadi Burke tidak setuju dengan hujah bahawa parti selalunya akan berubah menjadi puak, kerana mengikut penjelasan begini, suatu parti pun tidak membawa makna parti lagi. Jadi apabila Burke menggunakan perkataan ‘puak’, dia memang bermaksud puak; bila dia kata ‘parti’, dia bermaksud parti yang sebenar.<sup>13</sup>

Sartori membuat kesimpulan dan memberi suatu gambaran yang jelas mengenai parti dan puak berdasarkan tiga premis di bawah:<sup>14</sup>

- i) Parti bukannya puak;
- ii) Suatu parti adalah sebahagian daripada keseluruhan;
- iii) Parti merupakan saluran penyataan.

Mengikut Sartori, parti bukannya puak. Parti adalah sesuatu yang diperlukan tetapi bukannya puak. Kewujudan puak merupakan penunjukan konflik peribadi, penonjolan ego dan kelakuan yang tidak dihormati awam. Parti menghubungkan rakyat dengan kerajaan tetapi puak tidak boleh berbuat begitu. Bagi beliau, sesebuah parti

<sup>12</sup> *Thoughts on the Cause of the Present Discontents* (1770), dalam *The Works of Edmund Burke*, Boston, Little, Brown, 1839 (dalam 9 volum), vol.1, m/s 425-426; G. Sartori, op.cit., m/s 9.

<sup>13</sup> G. Sartori, op.cit., m/s 9.

<sup>14</sup> G. Sartori, op.cit., m/s 25-28. Ayatnya dalam Bahasa Inggeris: i) Parties are not factions; ii) A party is a part-of-a-whole; iii) Parties are channels of expression.

merupakan sebahagian daripada keseluruhan yang cuba berkhidmat demi kebaikan keseluruhan, manakala sesuatu puak hanyalah sebahagian yang wujud untuk dirinya.

Sartori juga melihat parti sebagai saluran penyataan, iaitu parti adalah instrumen, ataupun agensi yang mewakili rakyat untuk menyampaikan suara dan kehendak mereka. Parti adalah suatu cara penyataan dalam proses pendemokrasian politik. Sebagai rumusan, seperti apa yang dikatakan oleh Key, ‘parti politik adalah institusi asas untuk menterjemahkan keperluan massa kepada dasar awam.’<sup>15</sup>

### **Klientelisme**

Mengikut Carl H. Lande dalam artikelnya ‘*The Dyadic Basis of Clientelism*’, perpuakan khasnya berkaitan dengan persaingan di antara kumpulan *dyadic* bukan korporat (competition between dyadic non corporate groups). Ini adalah kerana dalam tradisi, istilah ini digunakan untuk menandakan kumpulan yang melibatkan diri dalam persaingan politik sebelum kemunculan parti politik moden di Barat, dan ia juga digunakan untuk menyifatkan kumpulan yang bersaing untuk menegakkan dominasi di dalam suatu parti politik. Kedua-dua ‘perpuakan’ jenis pre-parti dan intra-parti sentiasa menunjukkan ciri ketidakstabilan keahlian, tempoh yang tidak tetap, kepemimpinan yang bercorak persendirian, kekurangan organisasi yang formal, dan lebih menumpu terhadap kuasa dan rampasan (spoils) daripada ideologi ataupun polisi.

---

<sup>15</sup> V.O. Key, Jr., *Public Opinion and American Democracy*, Knopf, 1961, m/s 433; G. Sartori, op.cit., m/s 28.

Selain daripada itu, perpuakan juga bermaksud berpecah-belah, kerana matlamat setiap puak adalah untuk membawa manfaat kepada pemimpin dan pengikutnya. Demi mencapai tujuan ini, mereka mesti mengalahkan usaha puak lawan yang melakukan perkara yang sama. Pihak yang kalah dalam 'zero sum game' ini selalunya bersikap curiga, berharap dapat menukar- balikkan keadaan dan mengalahkan lawan mereka.<sup>16</sup>

### **Patron-klientisme**

Mengikut James C. Scott, kebanyakan puak merupakan perikatan yang longgar di antara rangkaian penaung-klien (patron-client networks). Definisi yang diberi oleh beliau terhadap hubungan penaung-klien adalah 'suatu hubungan yang bertukar di antara peranan, iaitu seorang individu yang mempunyai status sosio-ekonomi yang lebih tinggi (patron) menggunakan pengaruh dan sumbernya untuk memberi perlindungan ataupun manfaat, ataupun kedua-duanya, kepada seseorang yang mempunyai status yang lebih rendah (klien), klien itu kemudian membalaunya dengan memberi sokongan dan bantuan umum, termasuk perkhidmatan peribadi kepada penaung tersebut.'<sup>17</sup>

Selain daripada itu, beliau juga menentukan tiga ciri tambahan yang menjelaskan hubungan penaung-klien. Pertama, ketidakseimbangan dari segi kekayaan, kuasa dan status di antara dua pasangan, di mana klien merupakan pihak yang tidak berupaya untuk membalaunya dengan sepenuhnya; kedua, hubungan muka ke muka dan kualiti

<sup>16</sup> Carl H. Lande, 'Introduction: The Dyadic Basis of Clientelism', dalam Steffen W. Schmidt, James C. Scott, Carl Lande, dan Laura Guasti (eds.), *Friends, Followers, and Factions: A Reader in Political Clientelism*, California: University of California Press, 1977, m/s xxxii.

<sup>17</sup> James C. Scott, *Patron-Client Politics and Political Change in Southeast Asia*, op.cit., m/s 125.

peribadi, ini bermaksud corak saling pembalasan dalam perhubungan penaung-klien selalunya menghasilkan keyakinan dan kasih-sayang di antara dua pihak; ketiga, kasihsayang yang terlibat itu adalah tersebar, ia merupakan perhubungan ‘orang keseluruhan’ (‘whole-person’ relationship) dalam pertalian perjanjian yang tidak berkenaan dengan sesiapa (impersonal) dan jelas (explicit, impersonal-contract bonds).<sup>18</sup>

### **Penggunaan Teori**

Saya akan menggunakan rangka teori patron-klientisme untuk menjelaskan perpuakan UMNO dalam era kepemimpinan Mahathir kerana ia adalah paling tepat untuk menerangkan perpuakan yang selalunya berkaitan dengan pengagihan sumber ekonomi dalam tempoh ini.

Sejak perlaksanaan DEB, pemimpin UMNO dalam kerajaan BN secara tidak langsung telah menggunakan kuasa mereka untuk mengagihkan sumber ekonomi, terutamanya projek kerajaan ataupun peluang ekonomi dan pelaburan yang baru kepada penyokong mereka di dalam parti. Klientalisme dan nepotisme dalam politik Malaysia menjadi lebih serius sejak perlaksanaan dasar penswastaan dalam tahun 1980an. Menurut Gomez, sejak dasar penswastaan dilaksanakan, kebanyakan projek penswastaan tidak dijalankan menerusi prosedur yang formal dengan mengadakan tender terbuka, tetapi pengurus projek penswastaan dipilih dengan hanya berdasarkan hubungan politik dan peribadi.<sup>19</sup>

---

<sup>18</sup> James C. Scott, op.cit., m/s 125-126.

Patron-klientisme yang wujud dalam bentuk rasuah ataupun politik wang di pelbagai tahap dalam UMNO dan kerajaan bermula dalam pertandingan merebut jawatan Timbalan Perdana Menteri di antara Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah pada tahun 1981. Lingkungan politik wang dan patron-klientisme ini menjadi lebih serius dalam tahun 1990an. Ini adalah ternyata dalam pertandingan kuasa di antara Ghafar Baba dan Anwar Ibrahim untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1993, dan juga konflik di antara puak Mahathir dan puak Anwar berhubung soal ‘bail out’ syarikat besar kepunyaan kroni pemimpin UMNO selepas berlakunya krisis ekonomi pada tahun 1997, seperti Ekran Berhad yang dipertugaskan untuk membina Empangan Bakun, Renong dan sebagainya.

James Jesudason menggelarkan corak pembangunan yang bercorak klientelisme di Malaysia ini sebagai *developmental clientelism*. Ini bermaksud sesebuah kerajaan boleh berorientasi pembangunan (developmentally-oriented) dan mempraktikkan kronisme dan kelakuan mencari naungan pada tahap yang berlainan. Percantuman ciri-ciri yang memastikan pertumbuhan ekonomi tinggi demi mengekalkan kestabilan politik dan memenangi sokongan terhadap kerajaan, di samping menggunakan kuasa kerajaan untuk memperkayakan kelas politik dan penyokongnya yang terdiri daripada kelas perniagaan Melayu.<sup>20</sup>

---

<sup>19</sup> Edmund Terence Gomez, *Political Business: Corporate Involvement of Malaysian Political Parties*, Cairns: James Cook University of North Queensland, 1994, m/s 17.

<sup>20</sup> Jesudason James V, ‘The Developmental Clientelist State: The Malaysian Case’, *Humboldt Journal of Social Relations* 23(1), 1997, m/s 147-173.

## Hujah Kajian

Hujah saya terhadap isu perpuakan UMNO yang bercorak perebutan naungan dalam era Mahathir adalah berpunca daripada dasar yang dilaksanakan oleh Mahathir sendiri dan juga kuasanya yang terlampau besar. Mahathir ialah Presiden UMNO yang membuka pintu kepada UMNO untuk menceburi bidang perniagaan melalui syarikat-syarikat pelaburannya seperti Fleet Group, Hatibudi dan Renong. Sistem politik yang membenarkan percantuman politik dan ekonomi oleh parti politik dan ahli politik pun secara tidak langsung menginstitusikan kronisme dan politik wang daripada tahap tinggi ke bawah. Seperti apa yang dikatakan oleh Peter Searle, perlantikan usahawan Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan pada tahun 1984 telah menyebabkan lingkungan kepentingan negara, parti dan persendirian menjadi kabur dalam usaha kerajaan untuk mengembangkan kepentingan korporat UMNO ataupun kapitalis Bumiputera.<sup>21</sup> Memandangkan Perdana Menteri dan Presiden UMNO merupakan orang yang paling berkuasa dalam soal pengagihan kuasa politik dan sumber ekonomi negara, jawatan tersebut menjadi idaman setiap pemimpin parti berkenaan.

Walaupun Mahathir hanya menghadapi satu cabaran terus daripada Tengku Razaleigh pada tahun 1987, tetapi kepemimpinan Mahathir yang tidak menetapkan tarikh persaraan dan tidak menangani isu pewarisnya secara jelas, di samping corak kepemimpinannya yang autoritarian, telah mencetuskan pembentukan barisan perpuakan dan pertandingan kuasa terhadap jawatan timbalannya pada tahun 1984, 1987, 1993 dan 1998. Selain itu, pertandingan kuasa di antara puak-puak tersebut juga disebabkan oleh kepentingan ekonomi masing-masing. Tokoh-tokoh yang bertanding

<sup>21</sup> Peter Searle, *The Riddle of Malaysian Capitalism: Rent-seekers or real capitalists?*, Australia: Allen & Unwin, 1999, m/s 244-245.

selalu mengagihkan naungan kepada penyokong mereka untuk mendapat sokongan politik. Walau bagaimanapun, kesemua cabaran ini bukan sahaja tidak melemahkan kuasa Mahathir, kuasanya malah diperkuatkan setiap kali selepas beliau berjaya mengatasi cabaran-cabaran melalui pindaan Perlembagaan UMNO dan peraturan pertandingan terhadap jawatan Majlis Tertinggi.

Sebenarnya, ruang kebebasan dan demokrasi dalam UMNO merupakan cermin kepada realiti politik Malaysia dalam era Mahathir, kerana Mahathir mengamalkan sikap dan cara yang sama untuk menjalankan pentadbiran negara dan UMNO. Ruang demokrasi dalam UMNO telah semakin diperkecilkan melalui pindaan terhadap perlembagaannya dan peraturan pertandingan dalam parti, manakala kebebasan dan hak asasi manusia di negara kita semakin dihakis melalui siri pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang di Malaysia. Undang-undang yang menyekat kebebasan rakyat seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Universiti dan Kolej (AUKU), Akta Polis, Akta Cetak dan lain-lain selalu digunakan ke atas tokoh yang tidak disukai dan tokoh pembangkang apabila kuasa kerajaan BN dan kedudukan Mahathir dicabar oleh mereka.

Hipotesis saya ialah perpuakan di dalam UMNO akhirnya akan melemahkan kuasa dan hegemoni UMNO di dalam masyarakat Melayu. Politik wang, rasuah dan dasar yang tidak adil dan tidak demokratik yang telah lama dilakukan oleh kepemimpinan UMNO dan kerajaan BN akhirnya akan membangkitkan kemarahan di peringkat akar-umbi parti terhadap kepemimpinan UMNO dan mengakibatkan perpecahan dalam parti itu. Seterusnya, keadaan tersebut akan membangkitkan kesedaran politik generasi muda Melayu dan mendorong mereka menyertai parti pembangkang,

khususnya golongan yang tidak mendapat manfaat daripada sistem pentadbiran yang penuh dengan politik wang. Aliran tersebut akhirnya akan menyumbang kepada pembentukan sistem dua barisan di Malaysia dan meneutralisasikan politik perkauman di Malaysia. Dengan kata lain, perpuakan dalam UMNO secara tidak langsung membuka jalan dan mempercepatkan proses pendemokrasian di Malaysia.

### Kajian Akademik Mengenai Malaysia Dan UMNO

Pada akhir tahun 1950an dan 1960an, beberapa sarjana menumpukan kajian pada topik mengenai Perlembagaan Persekutuan dalam tempoh kemerdekaan,<sup>22</sup> politik dalam parti, proses tawar-menawar di antara pemimpin berbagai kaum dan juga masa depan politik pembangunan.<sup>23</sup> Sehubungan dengan itu, kajian juga dibuat berkisar pada topik Malayan Union, pemberontakan Komunis, perpisahan Singapura dari Persekutuan Malaysia,<sup>24</sup> konfrontasi dengan Indonesia,<sup>25</sup> rusuhan kaum 13 Mei dan

<sup>22</sup> Harry E. Groves, *The Constitution of Malaysia*, Singapore: Malaysia Publications, 1964; L. A. Sheridan, 'Constitutional Problems of Malaysia,' *International Comparative Law Quarterly*, Vol 13, No. 4 (Oct 1964): 1349-1367; L. A. Sheridan dan H. E. Groves, *The Constitution of Malaysia*, New York: Oceana Publication, Inc., 1967; dan Norman J. Parmer, 'Constitutional Change in Malaya's Plural Society,' *Far Eastern Survey*, 26, 1957: 145-152.

<sup>23</sup> Ratnam, *Communalism and Political Process*; Cynthia H. Enloe, *Multi-ethnic Politics: The Case of Malaysia*, Berkeley: Center for South and Southeast Asia Studies, University of California, Research Monograph No. 2, 1970; Anthony Short, 'Communalism, Race and Politics in Malaysia,' *Asian Survey* x, No. 12 (Dec 1970): 1081-1089; A. Rabushka, *Race and Politics in Urban Malaya*, Stanford, California: Hoover Institution Press, Stanford University, 1973; dan R. K. Vasil, *Politics in a Plural Society: A study of Non-Communal Political Parties in West Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971.

<sup>24</sup> James Allen, *The Malayan Union*, New Haven: Monograph series No. 10, SEA Studies, Yale University Press, 1967; Mohamed Noordin Spiee, *From Malayan Union to Singapore Separation: Political Unification in the Malaysia Region*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976; Nancy M. Fletcher, *The Separation of Singapore from Malaysia*, Ithaca, N. Y.: Cornell University Press, SEA Program, Data Paper No. 73, 1969; Willard A. Hanna, *The Separation of Singapore from Malaysia*, New York: American Universitites Field Staff, Southeast Asia Series, XIII, No.21 (Malaysia), 1965, dan Michael Leifer, 'Singapore in Malaysia: The Politics of Federation,' *Journal of Southeast Asian History*, VI, No. 2, 1965: 54-70.

<sup>25</sup> J. A. C. Mackie, *Konfrontasi: The Indonesia-Malaysia Dispute, 1963-1966*, Kuala Lumpur, 1974; dan Abraham G. Mezerik, *Malaysia-Indonesia Conflict*, New York: International Review Service, 1965.

sebagainya.<sup>26</sup> Pada akhir tahun 1970an, perkembangan ekonomi yang pesat di Semenanjung Malaysia menimbulkan keprihatinan para sarjana terhadap isu konflik kelas dan pembentukan kelas, dengan itu, munculnya sesetengah penganalisaan yang bertumpu pada penterjemahan sejarah terhadap hakikat politik Malaysia.<sup>27</sup> Pada tahun 1980an, pergerakan dakwah Islam juga telah dijadikan topik kajian oleh sesetengah sarjana.<sup>28</sup>

Pada asasnya, terdapat dua aliran penganalisaan politik Malaysia semasa, iaitu penganalisaan pluralis ataupun neo-Marxis. Pluralis menekankan penganalisaan dari segi etnik dan perkauman. Masalah perkauman dilihat sebagai asas masalah politik, ekonomi dan kebudayaan di Malaysia. Neo-Marxis pula menekankan kepentingan dan keutamaan berubah-ubah ekonomi dalam konflik kelas dalam masyarakat. Mereka menggunakan hujah kelas untuk menerangkan fenomena tersebut.

Terdapat sekurang-kurang dua tema dalam penulisan neo-Marxist ini, iaitu kolonialisme/imperialisme dan konflik kelas. Kolonialisme/imperialisme disifatkan

<sup>26</sup> Leon Comber, '13 May 1969', *A Historical Survey of Sino-Malay Relations*, Kuala Lumpur: Heinemann Asia, 1983; S. Drummond dan David Hawkins, 'The Malaysian Elections of 1969: An Analysis of the Campaign and the Results', *Asian Survey*, 10, No. 4 (April 1970): 320-335; Felix V. Gagliano, *Communal Violence in Malaysia 1969: The Political Aftermath*, Athens: Ohio University, Center for International Studies, 1970;

<sup>27</sup> Lim Mah Hui, 'Ethnic and Class Relations in Malaysia', *Journal of Contemporary Asia*, Vol. 10, No. ½, 1980: 130-155, Hua Wu Yin, *Class and Communalism in Malaysia*, London, Zed Books Ltd., 1984; Michael Stenson, *Class, Race and Colonialism in West Malaysia*, Queensland: University of Queensland Press, 1980.

<sup>28</sup> Simon Barraclough, 'Managing the Challenges of Islamic Revival in Malaysia: A Regime Perspective', *AsianSurvey*, 23 (No. 8, 1983): 958-75; Mohamad Abu Bakar, 'Islamic Revivalism and the Political Process in Malaysia', *Asian Survey*, 21 (Oct. 1981): 1040-59; Clive Kessler, 'Malaysia: Islamic Revivalism and Political Disaffection in a Divided Society', *South-East Asia Chronicle*, No. 75, 1981; Judith Nagata, *The Reflowering of Malaysian Islam. Modern. Modern Religious Radicals and Their Roots*, Vancouver, Canada: University of British Columbia Press, 1984; A.C. Milner, 'Rethinking Islamic Fundamentalism in Malaysia', *Review of Indonesian and Malaysian Affairs*, Vol. 20, No. 2, 1986.

sebagai sebab utama ketegangan hubungan kaum.<sup>29</sup> Hujah pertentangan di antara kelas (racial antagonism) pula menegaskan bahawa kelas pemerintahan cuba memegang kuasa melalui penggunaan strategi kebumiputeraan dari segi ekonomi, politik dan juga politik perkauman. Perkauman digunakan oleh kerajaan untuk mengeksplorasi kepentingan kelas bawahan.<sup>30</sup> Misalnya, UMNO disifatkan sebagai 'suatu perikatan aristokrat, birokrat, kapitalis bandar dan tuanpunya tanah di luar bandar' yang bergabung dengan pemodal luar negeri untuk mengeksplorasi kaum tani dan pekerja di Malaysia.<sup>31</sup> Sarjana yang menggunakan penjelasan dari segi kelas yang terkenal termasuk Jomo K. S.,<sup>32</sup> Lim Mah Hui,<sup>33</sup> Martin Brennan, B. N. Cham.<sup>34</sup>

Walau bagaimanapun, kajian terhadap politik di Malaysia telah lama didominasikan oleh sarjana yang berpegang pada 'perspektif etnik'. Mereka melihat politik Malaysia sebagai suatu proses untuk mengendalikan perbezaan di antara etnik, ketegangan dan konflik yang berlaku dalam usaha parti politik yang berdasarkan perkauman untuk memajukan kepentingan komuniti mereka. Parti-parti politik ini bekerjasama, berkompromi dan tawar-menawar, dengan itu perbezaan di antara etnik pun dapat dikawal pada tahap yang tidak bahaya. Apabila mereka gagal berbuat begitu, polarisasi di antara etnik pun akan meningkat dan membahayakan kestabilan politik.<sup>35</sup>

<sup>29</sup> Baca: Michael Stenson, *Class, Race and Colonialism*, Queensland: University of Queensland Press, 1980; Collin E. R. Abraham, 'Racial and Ethnic Manipulation in Colonial Malaya', *Ethnic and Race Studies*, Vol. 6; No. 1, 1983: 18-32.

<sup>30</sup> Lim Mah Hui, 'Ethnic and Class Relations in Malaysia', *Journal of Contemporary Asia*, Vol 10, No 1/2, 180:130-155; Michael Stenson, op.cit.

<sup>31</sup> Martin Brennan, 'Class, Politics and Race in Modern Malaysia', *Journal of Contemporary Asia*, Vol 12, No(2), 1982: 188-215.

<sup>32</sup> Jomo K. S., *A Question of Class: Capital, the State, and Uneven Development in Malaysia*, New York: Monthly Review Press and Journal of Contemporary Asia Publishers, 1988.

<sup>33</sup> Lim Mah Hui, *Ownership and Control of the One Hundred Largest Corporations in Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1980.

<sup>34</sup> B.N.Cham, 'Class and Communal Conflict in Malaysia', *Journal of Contemporary Asia*, 5,4 (1975): 446-61.

Sarjana sains politik yang menggunakan perspektif etnik untuk mengkaji proses Pilihan raya dan program parti politik dalam 1960an adalah K. J. Ratnam, R. S. Milne, R. K. Vasil dan P. Gordon Means. Begitu juga dengan John Funston yang mengkaji organisasi parti dan ideologi UMNO dan PAS,<sup>36</sup> Heng Pek Koon yang mengkaji politik Cina,<sup>37</sup> Karl von Vorys yang mengkaji model ‘consociationalism’ Perikatan dan perpecahan model ini dalam 1969,<sup>38</sup> Mohamed Noordin Sopiee yang mengkaji masalah penyatuan politik di antara Malaysia dan Singapura,<sup>39</sup> Chandra Muzaffar yang menulis mengenai elit Melayu merupakan penaung kepada masyarakat Melayu,<sup>40</sup> James V. Jesudason yang mengkaji elit Melayu yang memerintah telah membantutkan keberkesanan ekonomi negara<sup>41</sup> dan lain-lain.

Menurut Khoo Boo Teik, adalah susah untuk mencantumkan paradigma secara teori yang berasaskan etnik ataupun masyarakat majmuk dengan pendekatan yang berdasarkan kelas. Walau bagaimanapun, terdapat sarjana yang menggunakan pendekatan yang mengandungi penjelasan terhadap struktur kelas dan perhubungan dalam suatu masyarakat etnik dalam tulisan mereka.<sup>42</sup> Sarjana dalam kategori ini termasuk Syed Husin Ali,<sup>43</sup> Sinnappah Arasaratnam,<sup>44</sup> Clive Kessler,<sup>45</sup> Francis Loh

<sup>35</sup> Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism: An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995, m/s xvii.

<sup>36</sup> John Funston, *Malay Politics in Malaysia: A Study of the United Malays National Organisation and Parti Islam*, Kuala Lumpur: Heinemann Asia, 1980.

<sup>37</sup> Heng Pek Koon, *Chinese Politics in Malaysia: A History of the Malaysian Chinese Association*, Singapore: Oxford University Press, 1988.

<sup>38</sup> Karl von Vorys, op.cit.

<sup>39</sup> Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation: Political Unification in the Malaysian Region, 1945-65*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1976.

<sup>40</sup> Chandra Muzaffar, *Protector?: An Analysis of the Concept and Practice of Loyalty in Leader-led Relationships within Malay Society*, Penang: Aliran, 1979.

<sup>41</sup> James V. Jesudason, *Ethnicity and the Economy: The State, Chinese Business, and Multinationals in Malaysia*, Singapore: Oxford University Press, 1989.

<sup>42</sup> Khoo Boo Teik, op.cit., m/s xviii-xix.

<sup>43</sup> Syed Husin Ali, *Malay Peasant Society and Leadership*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975.

<sup>44</sup> Sinnappah Arasaratnam, *Indians in Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1970.

Kok Wah,<sup>46</sup> Shamsul A. B.<sup>47</sup> dan lain-lain. Di antaranya, kajian yang dibuat oleh Syed Husin Ali, Kessler dan Shamsul membentangkan perubahan struktur kelas dan kemunculan konflik kelas dalam masyarakat Melayu.

Saya akan menggunakan pendekatan pluralis untuk menjelaskan perpuakan dalam UMNO kerana pendekatan ini lebih tepat digunakan untuk kajian terhadap UMNO yang berlandaskan politik perkauman sejak parti itu ditubuhkan.

### **Sumbangan Kajian Saya Dalam Bidang Akademik**

Dari segi kajian akademik mengenai sains politik di Malaysia, memang terdapat banyak kertas kerja yang membincangkan politik dalam UMNO telah dibentangkan dalam persidangan akademik dan disiarkan dalam jurnal akademik, tetapi sedikit kajian yang terperinci mengenai UMNO dihasilkan dalam bentuk buku akademik. Funston, *Malay Politics in Malaysia: A Study of the United Malays Organisation and Party Islam* (1980), buku Gordon P. Means, *Malaysian Politics: The Second Generation* (1991) dan buku Chandra Muzaffar, *Protector?: An Analysis of the Concept and Practice of Loyalty in Leader-led Relationships within Malay Society* (1979). Kajian lain hanya merupakan tulisan yang menyentuh tokoh UMNO ataupun aspek UMNO yang lain, seperti tajuk yang berkisar pada rangkaian perniagaan UMNO dalam siri penulisan oleh Edmund Terence Gomez seperti: *Politics in*

---

<sup>45</sup> Clive Kessler, *Islam in a Malay State: Kelantan, 1838-1969*, Ithaca: Cornell University Press, 1978.

<sup>46</sup> Francis Loh Kok Wah, *Beyond the Tin Mines: Coolies, Squatters, and New Villagers in the Kinta Valley, Malaysia, c.1880-1980*, Singapore: Oxford University Press, 1988.

<sup>47</sup> Shamsul A. B., *From British to Bumiputra Rule*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1986.

*Business: UMNO's Corporate Investments*<sup>48</sup> dan *Political Business: Corporate Involvement of Malaysian Political Parties*,<sup>49</sup> kajian terhadap ekonomi kapitalisme Malaysia yang berkaitan dengan pemberian naungan UMNO oleh Peter Searle, *The Riddle of Malaysian Capitalism: Rent-seekers or real capitalists?*,<sup>50</sup> kajian terhadap biografi intelektual Mahathir Mohamad dalam buku *Paradoxes of Mahathirism* oleh Khoo Boo Teik (1995),<sup>51</sup> kajian terhadap kerajaan dan masyarakat Malaysia dalam *Government & Society In Malaysia* oleh Harold Crouch (1996) dan *Malaysian Politics Under Mahathir* oleh R. S. Milne dan Diane K. Mauzy (1999).<sup>52</sup>

Senarai di atas jelas menunjukkan bahawa wujudnya kekosongan dari segi kajian politik yang menjurus kepada isu dalaman UMNO, khususnya kajian mengenai perpuakan di dalam UMNO pada era Mahathir. Dengan itu, kajian penulis terhadap perpuakan UMNO pada era Mahathir akan dapat mengisi kekosongan tersebut dalam bidang sains politik.

### **Metodologi Kajian & Masalah**

Kajian terhadap perpuakan dalam UMNO tidaklah mudah kerana barisan perpuakan sentiasa berubah sepanjang tempoh kepemimpinan Mahathir. Selain itu, oleh kerana topik ini merupakan isu yang sensitif kepada tokoh politik UMNO, ramai pemimpin UMNO enggan memberitahu penulis apa yang sebenarnya berlaku. Oleh itu, penulis

<sup>48</sup> Edmund Terence Gomez, *Politics in Business: UMNO's Corporate Investments*, Petaling Jaya: Forum, 1990.

<sup>49</sup> Edmund Terence Gomez, *Political Business: Corporate Involvement of Malaysian Political Parties*, Cairns: James Cook University of North Queensland, 1994.

<sup>50</sup> Peter Searle, *The Riddle of Malaysian Capitalism: Rent-seekers or real capitalists?*, Honolulu: University of Hawai'i Press, 1999.

<sup>51</sup> Harold Crouch, *Government & Society In Malaysia*, Australia: Allen & Unwin Australia Pty Ltd, 1996.

<sup>52</sup> R. S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian Politics under Mahathir*, USA: Routledge, 1999.

menumpukan kajian ini kepada perpuakan yang melibatkan tokoh-tokoh dari kalangan kepemimpinan tertinggi UMNO yang telah mendapat liputan yang luas oleh pihak media untuk memastikan fakta yang saya bentangkan adalah mempunyai tahap kepercayaan yang lebih tinggi. Penulis mengakui bahawa metodologi yang berpandu kepada media mempunyai perbatasan. Media di Malaysia merupakan media yang terkawal, dan kadang-kadang laporan yang disiarkan di media juga berpihak dan kurang tepat dengan keadaan yang sebenar, tetapi cara kajian ini merupakan cara yang paling sesuai dan praktikal bagi penulis untuk mengkaji topik yang sensitif ini.

Selain itu, penulis juga menggunakan kaedah wawancara dengan ahli politik UMNO dan penganalisa politik dalam kajian ini. Penulis juga selalu menyemak fakta dengan pihak yang lain dalam UMNO, ahli akademik dan wartawan.

### **Susunan Disertasi**

Bab pertama akan membentangkan rangka teori dan cuba menunjukkan isu utama yang menyumbang kepada perpuakan UMNO.

Dalam Bab Dua, penulis akan menggalurkan perpecahan aliran pemikiran dan perpuakan yang berlaku dalam masyarakat Melayu pada peringkat awal pembentukan parti UMNO. Penulis turut mengkaji perpuakan UMNO daripada tahun 1950an sehingga 1980an, iaitu tempoh sebelum Mahathir Mohamad menerajui kepemimpinan UMNO dan negara.

Dalam Bab Tiga, penulis mencerita dan menganalisa perpuakan dalam UMNO bermula daripada tahun Mahathir menjadi Presiden UMNO pada tahun 1981 sehingga UMNO diisyiharkan tidak sah oleh Mahkamah pada tahun 1988. Kita menyaksikan peralihan keahlian UMNO daripada golongan kelas bawahan dan guru kepada kelas peniaga dan intelektual. Perubahan dari segi latar-belakang keahlian UMNO pun mengubah corak perpuakan daripada perbezaan dasar dan ideologi politik kepada perebutan kuasa yang bercorak patron-klientelisme dan politik wang secara besar-besaran. Perpuakan pada tahap ini juga mengakibatkan kedudukan Mahathir dalam parti dicabar bagi kali pertama. Walau bagaimanapun, Mahathir berjaya menukar cabaran yang sengit terhadapnya kepada pembinaan sebuah parti politik baru yang berada di bawah cengkaman penuhnya.

Bab Empat menceritakan perkembangan politik UMNO selepas UMNO diharamkan sehingga pilihan raya umum 1990. Kita menyaksikan bagaimana Team B yang gagal menewaskan Mahathir pada pemilihan UMNO 1987 terus melawan Mahathir di luar parti. Golongan ini kemudian membentuk Parti Melayu Semangat 46 dan bergabung kuasa dengan parti pembangkang yang lain untuk mencabar kuasa UMNO (Baru) di pentas politik kebangsaan. Walaupun parti ini gagal menewaskan Mahathir dalam pilihan raya umum 1990, tetapi penggabungan kuasa di antara parti pembangkang menyebabkan UMNO kehilangan Kelantan.

Bab Lima menghuraikan bagaimana Parti Melayu Semangat 46 kemudiannya dibubarkan dan pembentukan puak baru dalam UMNO antara tahun 1990-1995. Peringkat ini menyaksikan kemunculan Anwar Ibrahim sebagai bakal pemimpin UMNO dan cara beliau mengukuhkan sokongan terhadapnya.

Bab Enam adalah berkenaan perkembangan perpuakan di dalam UMNO dalam tempoh 1996-1998. Mahathir selalu ingin mengimbangi kuasa Anwar manakala puak Anwar selalu menunjukkan sokongannya dan pandangan kritikalnya terhadap Mahathir dan dasarnya. Di akhir-akhir perhubungan mereka, suasana menjadi semakin tegang sehingga membawa kepada pemecatan Anwar daripada UMNO dan kerajaan.

Bab Tujuh menunjukkan perulangan sejarah Parti Melayu Semangat 46, di mana konfrontasi di antara Mahathir dan Anwar bertukar menjadi pertandingan kuasa di antara Barisan Nasional (BN) dan Barisan Alternatif (BA) daripada 1999 hingga Jun 2000. Walaupun Anwar dipecat, dihukum dan dipenjarakan, pertandingan di antara puak Mahathir dan puak Anwar diteruskan dalam pilihan raya umum 1999 dan juga pemilihan UMNO pada Mei 2000.

Bab Lapan adalah bab kesimpulan. Penulis akan menganalisa punca dan ciri perpuakan UMNO dalam era kepemimpinan Mahathir, dan juga implikasinya terhadap UMNO dan politik Malaysia secara keseluruhan.